



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 26 OGOS 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	DEWAN RAKYAT: SURI RUMAH DIPERKASA MELALUI INISIATIF PEMBELAJARAN, PEKERJAAN		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/08/25/dewan-rakyat-suri-rumah-diperkasa-melalui-inisiatif-pembelajaran-pekerjaan/	TVSARAWAK.MY	
	https://umno-online.my/2025/08/25/dasar-pembelajaran-sepanjang-hayat-beri-peluang-berterusan-kepada-suri-rumah/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PROGRAM EHATI KONTROVERSI: KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT SEDIA BANTU PESERTA DENGAN KAUNSELING		POSITIF
	https://beautifulnara.com/program-ehati-kontroversi-kementerian-pembangunan-wanita-keluarga-dan-masyarakat-sedia-bantu-peserta-dengan-kaunseling/	BEAUTIFULNARA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	DEWAN RAKYAT: MY BRAIN 2.0 DIKEMBALIKAN — DR NORAINI		POSITIF
	https://majoriti.com.my/video/2025/08/25/dewan-rakyat-my-brain-20-dikembalikan---dr-noraini	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BULI, DERA DAN JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK PERLU DITANGANI LEBIH TEGAS - TUNKU ZAIN		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2460426	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1256496/buli-dera-dan-jenayah-seksual-kanak-kanak-perlu-ditangani-lebih-tegas-tunku	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PENUAAN PENDUDUK DAN IMPLIKASI KEPADA EKONOMI MALAYSIA		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2025/08/penuaan-penduduk-dan-implikasi-kepada-ekonomi-malaysia/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	MYDIN LANCAR KOTAK SARA RAHMAH BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/08/1256512/mydin-lancar-kotak-sara-rahmah-bantu-golongan-memerlukan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/745036/bisnes/mydin-sasar-200000-kotak-sara-rahmah-bantu-golongan-susah	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KANAK-KANAK LELAKI HILANG DI BATU KAWA DITEMUKAN SELAMAT		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-autistik-hilang-di-batu-kawa-ditemukan-selamat	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/kanak-kanak-autisme-hilang-dijumpai-selamat-di-tebing-sungai/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/25/kanak-kanak-autisme-hilang-ditemui-selamat-di-tebing-sungai	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/08/25/kanak-kanak-autism-6-tahun-hilang-berdekatan-anak-sungai-di-kuching/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://siakapkei.my/2025/08/25/kanak-kanak-hilang-enrique-bong-ditemui-selamat	SIKAPKEI.MY	
	https://suarasarawak.my/kanak-kanak-autisme-hilang-dijumpai-selamat/	SUARASARAWAK.MY	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/kanak-kanak-autistik-hilang-ditemui-selamat/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.tvsarawak.my/2025/08/25/kanak-kanak-autisme-hilang-di-batu-kawa-ditemui-selamat/	TVSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	ROGOL CUCU TIRI HINGGA LAHIRKAN BAYI, DATUK DIPENJARA 36 TAHUN, 24 SEBATAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1437859/rogol-cucu-tiri-hingga-lahirkan-bayi-datuk-dipenjara-36-tahun-24	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1256561/rogol-cucu-hingga-lahirkan-bayi-datuk-dipenjara-36-tahun-24-sebat	HMETRO.COM.MY	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/265332/man-jailed-36-years-for-raping-step-granddaughter-in-sandakan/	DAILYEXPRESS.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/112008/sandakan-grandfather-jailed-36-years-and-24-strokes-for-raping-step-granddaughter	THEVIBES.COM	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/08/25/man-jailed-15-years-given-24-strokes-for-raping-step-granddaughter	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/745082/berita/semasa/datuk-rogol-cucu-hingga-lahirkan-anak-dijel-18-tahun-24-sebatan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/08/1265462/man-gets-15-years-prison-caning-raping-step-granddaughter	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Noraini bercakap pada Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen ke-15 Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen hari ini. Foto, Bernama.

Dewan Rakyat: Suri rumah diperkasa melalui inisiatif pembelajaran, pekerjaan

By Ahmad Burhanuddin #bm, Malaysia August 25, 2025 3:40 PM

KUALA LUMPUR, 25 Ogos: Kerajaan terus memberi sokongan kepada golongan suri rumah yang ingin kembali ke dunia pekerjaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan akses pembelajaran dan latihan kepada wanita, termasuk kemasukan melalui program Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) dan biasiswa yang disediakan oleh agensi kerajaan.

"Laluan pembelajaran sepanjang hayat, termasuk kemasukan melalui APEL, skim pembiayaan pembelajaran serta tajaan biasiswa diberikan oleh agensi kerajaan dan program executive modular di universiti, membantu mengurangkan halangan untuk kembali belajar.

"Ini sekali gus meningkatkan keyakinan diri dan mengasah kemahiran selaras dengan keperluan pasaran kerja," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Mumtaz Md Nawi (Perikatan Nasional – Tumpat) yang ingin tahu bentuk sokongan, biasiswa dan persekitaran yang disediakan kerajaan bagi membolehkan suri rumah pengajian hingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Selain itu, jelas Noraini, program seperti My Brain 2.0, yang bertujuan meningkatkan bilangan pemegang ijazah lanjutan, kini disediakan untuk mereka yang tidak bekerja atau mempunyai pendapatan tetap.

Sementara itu, kata beliau, antara strategi utama Dasar Wanita Negara 2025-2030 adalah untuk memperkukuhkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan.

Menurutnya, ia termasuk menyediakan insentif bagi majikan yang membantu pekerja dengan anak kecil dan mewujudkan ekosistem pekerjaan yang mesra keluarga.

"Pelbagai program seperti Kerjaya Comeback, My Wira dan Empower Her Career juga dilancarkan bagi memastikan wanita yang ingin kembali bekerja dapat melakukannya dengan sokongan yang mencukupi," ujar beliau. – TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program eHatI Kontroversi: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Sedia Bantu Peserta Dengan Kaunseling

BERITA - DITERBITKAN 25 AUG 2025 9:16 PM - OLEH DIDI



Susulan kontroversi program motivasi rumah tangga eHatI yang diperkatakan ada menyelitkan unsur seksual dan ritual bercanggah dengan akidah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil inisiatif cekap untuk sedia membantu dengan memberikan sesi kaunseling kepada yang terlibat.



Memetik laporan **Buletin TV3**, Timbalan Menteri KPWKM, Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad berkata, kementerian mempunyai kaunselor daripada JKM, JPW dan YKN yang boleh digerakkan untuk memberi khidmat kaunseling sekiranya ada laporan rasmi diterima.

"Setakat ini saya belum terima laporan terperinci, cuma maklum isu ini hangat di media sosial. Jika laporan masuk, kita akan gerakkan kaunselor berjumpa dengan mereka," – Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad

Terdahulu, program eHatI telah didakwa dihadiri kira-kira 50 wanita sebelum mencetuskan kontroversi kerana kandungan sesi yang dianggap tidak wajar. Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Hal Ehwal Agama, Datuk Mohd Na'im Mokhtar memaklumkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan memanggil pasangan penganjur terbabit untuk siasatan segera.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dewan Rakyat: My Brain 2.0 dikembalikan — Dr Noraini

Oleh LIZA HASAN

VIDEO

Isnin, 25 Ogos 2025

9:31 PM MYT



TIMBALAN Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, program seperti My Brain 2.0 bertujuan meningkatkan bilangan pemegang ijazah lanjutan, kini disediakan untuk mereka yang tidak bekerja atau mempunyai pendapatan tetap. — *Majoriti*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TUNKU ZAIN AL-'ABIDIN MAHU KEMPEN TERUS DISEMARAKAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 OGOS 2025

M/SURAT : 19

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Seremban: Ancaman buli, penderaan serta jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan remaja perlu ditangani secara tegas dengan pembabitian semua pihak termasuk institusi pendidikan, komuniti dan keluarga, titah Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz.

Baginda yang juga Pengerusi Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi bertitah meskipun pelbagai program sudah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi kerajaan lain, te-

BULI, PENDERAAN & JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK, REMAJA

Tunku Zain Al-'Abidin mahu kempen terus disemarakkan

tapi masalah berkenaan masih membimbangkan kerana belum menunjukkan keberkesanan sepenuhnya.

Tunku Zain Al-'Abidin bertitah jenayah seperti itu bukanlah isu baharu namun cabaran dunia moden seperti media sosial, tekanan rakan sebaya serta kecuai masyarakat menjadikan kes itu semakin berleluasa.

"Justeru, saya mencajangkan supaya Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan termasuk KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) terus menyemarakkan kempen dan memperkukuh 'Amalan Sekolah Sejahtera' di semua peringkat serta pelbagai program untuk menanam perasaan benci terhadap aktiviti buli, penderaan dan jenayah seksual ke-

akar umbi.

"Ramai mangsa khususnya kanak-kanak dan remaja tidak tahu cara untuk bersuara dan berasa takut untuk melaporkan apa yang dialami.

"Hari ini kita berkumpul bukan sekadar berkempen tetapi menyuarakan kebenaran dan menyeru masyarakat menghentikan penderitaan ini," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika berucap menyempurnakan Kempen Jenayah Buli Penderaan dan Jenayah Seksual Peringkat Negeri Sembilan yang turut dihadiri Presiden IKON Malaysia Mia Nurhamizah Abdul Gha-par, Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Shamsudin Redza dan Pengarah Penjara Negeri Sembilan Ahmad Musta-

qim Che Bisi di Sekolah Kebangsaan Bandar Sri Sendayan di sini, semalam.

Program yang julung kali diadakan itu adalah anjuran Pertubuhan IKON Malaysia dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buli, Dera Dan Jenayah Seksual Kanak-Kanak Perlu Ditangani Lebih Tegas – Tunku Zain

🕒 25/08/2025 04:38 PM



SEREMBAN, 25 Ogos (Bernama) -- Ancaman buli, penderaan serta jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan remaja perlu ditangani secara tegas dengan penglibatan semua pihak termasuk institusi pendidikan, komuniti dan keluarga, titah Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz.

Baginda yang juga Pengerusi Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi bertitah meskipun pelbagai program dijalankan Kementerian Pendidikan dan agensi kerajaan lain tetapi masalah berkenaan masih membimbangkan kerana belum menunjukkan keberkesanan sepenuhnya.

Tunku Zain Al-'Abidin bertitah jenayah seperti itu bukanlah isu baharu, namun cabaran dunia moden seperti media sosial, tekanan rakan sebaya serta kecuai masyarakat menjadikan kes itu semakin berleluasa.

"Justeru, saya mencadangkan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan termasuk KPM terus menyemarakkan kempen dan memperkukuh 'Amalan Sekolah Sejahtera' di semua peringkat serta pelbagai program untuk menanam perasaan benci terhadap buli, penderaan dan jenayah seksual ke akar umbi.

"Ramai mangsa khususnya kanak-kanak dan remaja tidak tahu cara untuk bersuara dan takut untuk melaporkan apa yang dialami. Hari ini kita berkumpul bukan sekadar berkempen tetapi menyuarakan kebenaran dan menyeru masyarakat menghentikan penderitaan ini," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika berucap menyempurnakan Kempen Jenayah Buli Penderaan dan Jenayah Seksual Peringkat Negeri Sembilan, yang turut dihadiri Presiden IKON Malaysia Mia Nurhamizah Abdul Ghapar, Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Shamsudin Redza dan Pengarah Penjara Negeri Sembilan Ahmad Mustaqim Che Bisi di Sekolah Kebangsaan Bandar Sri Sendayan di sini hari ini.

Program yang julung kali diadakan itu adalah anjuran Pertubuhan IKON Malaysia dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Presiden IKON Malaysia Mia Nurhamizah berkata pihaknya komited dalam memperjuangkan undang-undang yang lebih tegas terhadap pelaku jenayah serta menambah baik sistem perlindungan mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penuaan penduduk dan implikasi kepada ekonomi Malaysia



Oleh NUR NAZINA MADZARI 25 Ogos 2025, 7:05 am

NEGARA ini sedang bergerak ke arah menjadi sebuah negara yang menua iaitu satu realiti demografi yang membawa kesan besar kepada struktur ekonomi, sistem sosial dan dasar negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia dalam laporannya pada tahun 2022 menjangkakan Malaysia akan menjadi negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk negara ini merangkumi warganegara yang berusia lebih 60 tahun dalam pola 15.3 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Laporan itu juga menunjukkan peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 7.0 peratus kepada 7.3 peratus bagi tempoh yang sama dan berdasarkan definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah menjadi negara menua.

Penuaan penduduk berpotensi memberi kesan mendalam terhadap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), struktur pasaran buruh, sistem persaraan serta perbelanjaan kesihatan negara.

Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof. Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, negara menua boleh menjejaskan pertumbuhan KDNK apabila tenaga kerja berkurangan dan produktiviti menurun.

Namun begitu, beliau berkata, impaknya lebih bersifat pertumbuhan positif yang lebih rendah dari sebelum ini, tetapi tidaklah sampai kepada penurunan KDNK.

"Perubahan demografi ini akan mempengaruhi pasaran buruh dari segi industri akan beralih kepada pendigitalan dan automasi yang akan memerlukan lebih ramai pekerja berkemahiran sederhana dan tinggi.

"Tenaga kerja juga mungkin akan terdiri daripada pekerja yang berumur lebih dari 60 tahun," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata, sektor tertentu memang akan terkesan termasuk pembuatan, pertanian dan pembinaan, namun ia bergantung kepada polisi yang masih membenarkan kemasukan pekerja asing atau penggunaan teknologi dalam sektor yang terlibat.

Tambahnya, antara usaha yang boleh dilakukan bagi mengekalkan aliran tenaga kerja adalah dengan memperkasakan sistem pendidikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) supaya kurangnya berlaku keciciran pelajar.

"Selain itu, kita juga perlu menggalakkan industri untuk menuju ke arah pendigitalan dan automasi dalam syarikat mereka," ujarnya.

Mengulas mengenai sama ada dana Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) mencukupi untuk persaraan warga yang kian menua ini, beliau berkata, sistem KWSP mungkin tidak mampu membantu majoriti pencarum untuk menikmati persaraan dengan selesa.

"Apa yang perlu dilakukan ialah melihat kemungkinan memadamkan sistem KWSP itu dengan sistem pencen supaya pencarum yang tidak mempunyai simpanan persaraan yang cukup akan dapat dibantu dengan bantuan wang pencen.

"Kerajaan akan menanggung kos yang lebih tinggi untuk penjagaan kesihatan dan kebajikan untuk tahun mendatang.

"Oleh itu, perlu ada kerjasama dengan pelbagai pihak seperti pihak wakaf, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan industri supaya kebajikan warga emas ini terjaga," jelasnya.

Sementara itu, Pakar ekonomi dari Sunway University, Prof. Dr. Yeah Kim Leng berkata, penuaan penduduk boleh menjadi ancaman kepada pertumbuhan ekonomi sekiranya golongan warga emas tidak mempunyai jaminan pendapatan yang mencukupi untuk mengekalkan taraf hidup yang baik tanpa terjerumus ke dalam kemiskinan.

Katanya, ini penting dalam jangka panjang bagi mengelakkan krisis kemiskinan warga emas.

"Tanpa pendapatan yang mencukupi, ramai akan bergantung sepenuhnya kepada sokongan kerajaan, yang memerlukan peruntukan awam lebih besar.

"Apabila jangka hayat semakin panjang, aspek penjagaan kesihatan menjadi lebih kritikal. Kosnya tinggi dan jika tiada sumber kewangan mencukupi, ia akan membebankan sistem kesihatan awam negara," katanya.

Beliau berpendapat Malaysia berada pada tahap persediaan yang agak baik kerana kerajaan telah mengiktiraf isu ini termasuk perkara berkaitan insurans.

"Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah diberi tanggungjawab untuk menangani krisis warga emas. Langkah seperti memastikan simpanan yang mencukupi dan memperluas kemudahan kesihatan perlu diambil.

"Bagi memastikan penuaan yang sihat, kita boleh mempertimbangkan pengajian semula warga emas supaya mereka mempunyai pendapatan dan kekal aktif.

"Pembangunan sektor penjagaan warga emas di bawah 'ekonomi penjagaan' juga penting. Negara-negara seperti Jepun, China dan negara Barat telah menggunakan teknologi, termasuk robot humanoid dan inovasi kesihatan lain, untuk menyokong populasi warga emas," ujarnya. -UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : ANTI-BULLYING RULES TO BE IMPROVED

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 26 OGOS 2025

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Anti-bullying rules to be improved

Education Ministry's revisions aim to provide clearer guidance to teachers



KUALALUMPUR: The Education Ministry is in the process of revising education regulations related to student discipline under the Education Act 1996 to strengthen existing enforcement measures.

Education Minister Fadhlina Sidek (*pic*) said the revision aims to provide clearer guidance to teachers in managing cases of student misconduct in schools.

She said the ministry takes bullying seriously and has imple-

mented various programmes and interventions to ensure the issue does not continue to spread.

"We want to emphasise how we view bullying as an issue that must be addressed more comprehensively and effectively.

"At the start of 2023, when the Madani Government took office, the first thing we did was ensure that the anti-bullying guidelines were fully implemented and enforced effectively," she said

during the question-and-answer session in the Dewan Negara.

Fadhlina was responding to a question from Senator Musoddak Ahmad, who wanted to know about the ministry's efforts in addressing the worrying trend of bullying among school students.

She also said the ministry will take firm action against school administrators, teachers, State Education Departments, or District Education Offices found

to be covering up bullying cases.

"We are implementing various intervention programmes, including the 'Bangkit Bermaruah' programme and other related initiatives, to strengthen the psychosocial well-being of students through collaboration with guidance and counselling teachers.

"The ministry will not compromise with any form of bullying that occurs in educational institutions."

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : **MINISTRY REVISING STUDENT DISCIPLINE REGULATIONS**

HARI : **SELASA**

AKHBAR : **NEW STRAITS TIMES**

TARIKH : **26 OGOS 2025**

M/SURAT : **05**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

ADDRESSING BULLYING

Ministry revising student discipline regulations

KUALA LUMPUR: The Education Ministry is revising student discipline regulations under the Education Act 1996 to strengthen enforcement mechanisms.

Education Minister Fadhlina Sidek said the revisions would provide clearer guidance for teachers in handling student misconduct.

She said the ministry viewed

seriously the issue of bullying and had introduced programmes and interventions to address it.

"We want to emphasise that we view bullying as an issue that must be addressed comprehensively and effectively.

"At the start of 2023, when the Madani government took office, the first thing we did was ensure

that anti-bullying guidelines were fully implemented and enforced effectively," she said during the question-and-answer session in the Dewan Negara yesterday.

Fadhlina was responding to a question by Senator Musoddak Ahmad on the ministry's efforts to address the worrying trend of bullying among students.



She said the ministry would take firm action against administrators, teachers, state education departments or district education offices found to be covering up bullying cases.

"We are implementing intervention programmes, including the Bangkit Bermaruah pro-

gramme and other initiatives, to strengthen the psychosocial well-being of students through collaboration with counselling teachers.

"The ministry will not compromise on any form of bullying that occurs in educational institutions." **Bernama**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mydin lancar Kotak Sara Rahmah bantu golongan memerlukan

Suharmin Yusuf
suharmin.yusuf@hmetro.com.my



Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh (kiri) dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad, Datuk Wira Ameer Ali Mydin dan Datin Wira Dr. Hajah Siti Hawa Mohd (kanan) memegang Kotak Sara Rahmah ketika perasmian Kotak Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di Mydin USJ. FOTO AZIAH AZMEE

Subang Jaya: Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) menyasarkan misi mengumpul 200,000 Kotak Sara Rahmah sehingga hujung tahun ini sebagai usaha membantu golongan memerlukan di seluruh negara.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd (Mydin), Datuk Ameer Ali Mydin berkata, inisiatif itu diyakini mampu memberi impak besar kepada masyarakat selain memperkukuh nilai kebersamaan rakyat Malaysia.

Katanya, pelancaran Kotak Sara Rahmah selaras dengan usaha kerajaan menerusi inisiatif 'Sara Untuk Semua', di mana penerima bantuan RM100 yang tidak memerlukan khususnya golongan berpendapatan tinggi, boleh menyalurkan sumbangan itu bagi membeli kotak berkenaan.

"Kami percaya kejayaan perniagaan bukan sahaja diukur daripada keuntungan, tetapi juga sejauh mana kami dapat memberi kembali kepada masyarakat.

"Kotak Sara Rahmah ini bukan sahaja meringankan beban golongan rentan, malah menggerakkan ekonomi kecil tempatan melalui produk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan," katanya pada majlis Pelancaran Program Kotak Sara Rahmah, di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh.

Ameer berkata, kerjasama erat bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat penting bagi menjayakan inisiatif berkenaan.

Mengulas lanjut, Ameer berkata, Mydin turut menyumbang 50 kotak makanan melalui JK M Subang Jaya sebagai simbolik pelancaran yang juga sebahagian daripada usaha murni itu.

"Inisiatif ini bertepatan dengan hasrat KPDN untuk mengutamakan produk tempatan, sekali gus memperkukuh ekosistem peruncitan Malaysia.

"Dengan menyokong produk keluaran tempatan, ia bukan sahaja membantu pengguna menikmati harga berpatutan, malah memberi nilai tambah kepada usahawan khususnya PMKS tempatan," katanya.

Katanya, inisiatif itu digerakkan menerusi konsep 'beli dan derma' yang bermula 31 Ogos ini di semua pasar raya besar Mydin seluruh negara.

Bermula 2 September pula, katanya, pihaknya akan menjelajah menggunakan trak bergerak ke kementerian, agensi kerajaan dan institusi swasta bagi membuka peluang lebih ramai pihak menyertai usaha itu.

"Pelanggan boleh menggunakan bantuan Sara bernilai RM100 yang telah diterima melalui MyKad khususnya daripada golongan berpendapatan tinggi untuk menyalurkan manfaat itu kepada golongan lebih layak," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan dan semua pihak yang menyokong inisiatif tersebut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MISSING BOY FOUND SAFE AFTER DRONE SIGHTS LEGS AMONG RIVERBANK VEGETATION

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 26 OGOS 2025

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Missing boy found safe after drone sights legs among riverbank vegetation

Galileo Petingi

KUCHING: Missing six-year-old Enrique Bong Kai Cen was found safe yesterday along the bank of a small river near the family's home on Jalan Kim Chu Shin, Batu Kawa here yesterday afternoon.

Padawan police chief Supt Mohd Irwan Hafiz Md Radzi confirmed this when contacted by The Borneo Post.

"Yes, he has been found safe at

the river bank about 200 metres from the family's house," he said.

A source on the ground informed that a drone operated by a member of the public caught sight of Enrique's legs among the vegetation, with the boy responding by waving back at the drone.

Enrique, who has autism, went missing along Jalan Kim Chu Shin at around 4.15pm on Sunday. He was last seen wearing a white T-shirt with a sun logo on the front, brown shorts and slippers.

A search was immediately launch after the family, who had earlier tried unsuccessfully to locate him, alerted the authorities.

It was postponed late Sunday before being resumed yesterday morning, with over 50 personnel from the police, Fire and Rescue Department, Civil Defence Force, and family members involved.

The police had also deployed their K9 and drone units to aid the search.



Enrique in the arms of his mother, surrounded by family members and rescuers. — Photo by Lai Kui Hong

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KANAK-KANAK AUTISME BERUSIA ENAM TAHUN DILAPOR HILANG DITEMUI SELAMAT

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 26 OGOS 2025

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kanak-kanak autisme berusia enam tahun dilapor hilang ditemui selamat



SELAMAT: Ibu mangsa mendukung Bong yang ditemui selamat semalam.
—Gambar Lai Kai Hong

KUCHING: Kanak-kanak lelaki autisme, yang dilaporkan hilang di Jalan Kim Chu Sin, Batu Kawa petang kelmarin ditemui selamat semalam.

Ketua Polis Daerah Padawan Superintenden Mohd Irwan Md Radzi berkata, Enrique Bong Kai Cen, 6, dijumpai pada jarak lebih kurang 200 meter dari rumahnya di kawasan tebing sungai.

"Pada 25 Ogos 2025 iaitu lebih kurang jam 5.15 petang, kanak-kanak lelaki berusia enam tahun yang dilaporkan hilang pada 24 Ogos 2025 jam 4.15 petang di Jalan Kim Chu Sin, Batu Kawa telah berjaya ditemui dengan selamat.

"Mangsa dirujuk ke Hospital Umum Sarawak (HUS) untuk tindakan lanjut,"

katanya menerusi kenyataan semalam.

Beliau turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pasukan bertindak SAR yang terlibat dan masyarakat setempat yang turut hadir membantu sepanjang operasi dijalankan.

Pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Batu Lintang telah melancarkan operasi mencari dan menyelamat selepas menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu jam 7.19 malam kelmarin.

Pada Ahad jurucakap Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, keluarga mangsa memaklumkan kanak-kanak tersebut telah keluar rumah tanpa disedari.

Keluarga mangsa keluar mencari dan menemui sebelah kasut mangsa pada jarak 10 meter, kasut kedua pada jarak 30 meter berdekatan anak sungai Kampung Kim Chu Shin," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, pasukan bomba menjalankan pencarian di sekitar kawasan hingga ke anak sungai dan hutan kebun manakala penduduk kampung turut memantau jeti sungai di Batu Kawa namun tiada petunjuk setakat itu.

Tambahnya, pihak polis turut menghantar bantuan Unit Pengesan K9 dan dron bagi membantu operasi pencarian yang dijalankan sehingga jam 11.45 malam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak lelaki hilang di Batu Kawa ditemukan selamat

Nasional - Dicipta: 25 Ogos 2025 08:12 PM



Enrique Bong Kai Cen ditemukan di kawasan tebingan sungai pada jarak kira-kira 200 meter dari rumahnya

KUCHING, 25 Ogos - Kanak-kanak lelaki 6 tahun yang dilaporkan hilang selepas keluar dari rumahnya di Jalan Kim Chu Sin, Batu Kawa petang semalam ditemukan selamat.

Ketua Polis Daerah Padawan, Superintenden Mohd Irwan Hafiz Md Radzi berkata, Enrique Bong Kai Cen ditemukan di kawasan tebingan sungai pada jarak kira-kira 200 meter dari rumahnya pada pukul 5.15 petang tadi.

Dia kemudiannya dibawa ke Hospital Umum Sarawak untuk tindakan lanjut.

Menerusi kenyataan media, Mohd Irwan berterima kasih kepada semua anggota pasukan mencari dan menyelamatkan serta masyarakat setempat yang memberikan bantuan sepanjang operasi dijalankan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rogol cucu tiri hingga lahirkan bayi, datuk dipenjar 36 tahun, 24 sebatan

Oleh Pollana Ronnie Sidom - Ogos 25, 2025 @ 4:23pm



Gambar hiasan

SANDAKAN: Seorang datuk dijatuhkan hukuman penjara 36 tahun dan 24 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, kerana merogol cucu tirinya yang berusia 14 tahun sehingga melahirkan seorang bayi lelaki.

Lelaki warga asing berusia 52 tahun itu dijatuhkan hukuman itu selepas mengaku bersalah melakukan perbuatan itu di hadapan Hakim Zaini Fisher @ Fisal.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol mangsa pada kira-kira jam 9 pagi 13 Oktober tahun lalu, di Kampung Seri Pemancar, di sini yang sabit kesalahan boleh dipenjar 15 tahun dan 10 sebatan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan.

Tertuduh juga dikenakan hukuman tambahan mengikut Seksyen 16 (1) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 sebanyak tiga tahun penjara dan dua sebatan bagi pertuduhan itu.

Bagi pertuduhan kedua pula, tertuduh didakwa merogol mangsa pada kira-kira jam 10 pagi 15 Oktober tahun lalu, dalam kebun di kampung itu.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan 10 sebatan bagi kesalahan itu dengan hukuman tambahan tiga tahun penjara serta dua sebatan.

Zaini memerintahkan kedua-dua hukuman dijalankan serentak dari tarikh tertuduh ditangkap dan mengarahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk diusir ke negara asal selepas selesai menjalani hukuman.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Azizi Hamil.

Berdasarkan kertas pertuduhan, mangsa dan dua adiknya tinggal bersama nenek dan tertuduh kerana ibu bapa sudah bercerai.

Tertuduh ditangkap pada 23 Julai lalu di Batu 36 selepas ibu kandung mangsa membuat laporan polis mendakwa anaknya melahirkan seorang bayi akibat dirogol tertuduh.